



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/7/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kes 'Awang Besol' pertama kali berlaku di Malaysia

KUALA LUMPUR - Serangan virus canine distemper yang berlaku ke atas harimau jantan 'Awang Besol' yang ditangkap di Kampung Besol di Bukit Besi, Dungun Jumaat lalu adalah kes pertama kali berlaku di Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan

lanjut berhubung kejadian itu.

"Kes ini kali pertama berlaku di negara kita tetapi di Tanzania, sebanyak 30 peratus daripada populasi singa di negara itu mengalami penyakit ini.

"Kita masih mengenal pasti apakah punca sebenar yang berlaku terhadap 'Awang Besol'," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, lazimnya serangan

virus canine distemper dibawa oleh kucing dan anjing domestik.

Katanya, virus tersebut boleh merebak kepada haiwan lain dan akan menyerang otak, sekaligus menyebabkan kekeliruan minda hingga sukar membuat perbezaan.

"Dalam kes 'Awang Besol', kita tidak pasti sama ada harimau ini membaham kucing atau anjing yang terkena virus tersebut atau sebaliknya," katanya.